



[A STUDY ON THE FOOD BANK PROGRAM IN THE STATE OF KEDAH]

KAJIAN TINJAUAN PROGRAM FOOD BANK DI NEGERI KEDAH

ALIFF NAWI^{1*}

MAT RAHIMI YUSOF¹

NURLIYANA BUKHARI¹

MOHD AZRIN MOHD NASIR²

MOHD YUSHAIRI MAT YUSOFF³

MOHD AZWAN ABD RAHMAN⁴

ALIAS AZHAR⁵

¹School of Education,
Universiti Utara Malaysia

²School of Applied Psychology, Social Work & Policy,
Universiti Utara Malaysia

³School of Economics, Finance and Banking,
Universiti Utara Malaysia

⁴Institute of Malaysian and International Studies,
Universiti Kebangsaan Malaysia

⁵School of Law,
Universiti Utara Malaysia

*Corresponding Author: aliffnawi@yahoo.com

Received Date: 5 June 2023 • Accepted Date: 31 October 2023

Abstract

In order to protect *hifz al-nafs* or protect life in Maqasyid Syariah and zero hunger in the Sustainable Development Goals (SDGs), the Kedah State Zakat Board (LZKN) took the initiative to hold a Food Bank program to help the needy. This quantitative study aims to analyze the effectiveness of the *Food Bank* implementation that has been implemented in the state of Kedah since 2018. The study data was collected by distributing questionnaires to respondents. A total of 405 respondents answered, consisting of Food Bank recipients from Baling, Sik, Kubang Pasu and Kota Star districts. The data analyzed using SPSS version 26 shows the level of effectiveness of Food Bank management and implementation at a high level with a value (mean = 4.160, sp = 0.516). This finding as a whole shows that the majority of respondents are satisfied with the

management and implementation carried out by LZNK and the assistant amil who is responsible for managing the distribution of food supplies. The findings of this study indirectly succeeded in meeting the goal of family well-being through sufficient food supply thus meeting the goal of *hifz al-nafs* or maintaining life and zero hunger. Ultimately, the findings of this study are very meaningful to LZNK in evaluating and improving the Food Bank program in the state of Kedah. In addition, the findings of this study are very useful to other agencies interested in managing such programs.

Keywords: Food supply, Shariah Objectives, Sustainable Development Goals, Well-being, Kedah State Zakat Board

Abstrak

Bagi menjaga *hifz al-nafs* atau menjaga nyawa dalam Maqasyid Syariah dan sifar kelaparan dalam Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals-SDGs*), Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) mengambil inisiatif mengadakan program *Food Bank* bagi membantu golongan yang memerlukan. Kajian kuantitatif ini adalah bertujuan untuk menganalisis keberkesanan pelaksanaan *Food Bank* yang telah diimplimentasikan di negeri Kedah sejak 2018. Data kajian dikutip dengan mengedarkan soal selidik kepada responden. Seramai 405 responden telah menjawab yang terdiri daripada penerima *Food Bank* dari daerah Baling, Sik, Kubang Pasu dan Kota Star. Data yang dianalisis menggunakan SPSS versi 26 menunjukkan tahap keberkesanan pengurusan dan pelaksanaan *Food Bank* pada tahap yang tinggi dengan nilai (min = 4.160, sp = 0.516). Dapatan ini secara keseluruhannya menunjukkan majoriti responden berpuas hati dengan pengurusan dan pelaksanaan yang dijalankan oleh LZNK dan pembantu amil yang bertanggungjawab menguruskan agihan bekalan makanan. Dapatan kajian ini secara tidak langsung berjaya memenuhi matlamat kesejahteraan hidup keluarga melalui kecukupan bekalan makanan sekali gus memenuhi matlamat *hifz al-nafs* atau menjaga nyawa dan sifar kelaparan. Tuntasnya, dapatan kajian ini sangat bermakna kepada LZNK dalam menilai dan menambahbaik program *Food Bank* di negeri Kedah. Selain itu, dapatan kajian ini amat berguna kepada agensi lain yang berminat untuk mengelola program sebegini.

Kata kunci: Bekalan Makanan, *Maqasid* Syariah, Sustainable Development Goals, Kesejahteraan Hidup, Lembaga Zakat Negeri Kedah

Cite as: Aliff Naw, Mat Rahimi Yusof, Nurliyana Bukhari, Mohd Azrin Mohd Nasir, Mohd Yushairi Mat Yusoff, Mohd Azwan Abd Rahman & Alias Azhar. 2023. Kajian Tinjauan Program *Food Bank* Di Negeri Kedah.[A Study On The *Food Bank* Program In The State Of Kedah]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 24(1): 27-38

PENGENALAN

Islam telah menggariskan hak dan keperluan manusia sejak lebih 1400 tahun yang lalu. Sebagaimana syariat Islam menuntut manusia agar memelihara dan mempertahankan hak hidup seperti makan, minum, mendapatkan tempat tinggal bagi setiap individu (al-Syatibi, 1997). Makanan dan minuman merupakan *daruriyyat* atau keperluan asasi yang perlu dipenuhi oleh manusia demi meneruskan kelangsungan hidup yang turut diberi penekanan dalam *maqasid* syariah Shawqi (1984). Selain makanan, al-Syatibi (1996) dan al-Ghazali (1994) menggariskan

daruriyyat kepada lima perkara asas yang berperanan menjaga dan mengawal kemaslahatan kehidupan seorang muslim, iaitu; memelihara agama (*masalah al-din*), memelihara nyawa (*masalah al-nafs*), memelihara akal (*masalah al-‘aql*), memelihara keturunan (*masalah al-nasb*) dan memelihara harta (*masalah al-mal*) yang dipelihara menurut tiga tahap keutamaan iaitu keperluan asas (*daruriyyat*), keperluan tambahan (*hajiyyat*) dan pelengkap (*tahsiniyyat*).

Maslow (1943) pula menegaskan makanan merupakan salah satu keperluan yang paling utama untuk manusia di samping keperluan fisiologi yang lain seperti air, udara dan tempat tinggal. Pada masa ini, keperluan lain tidak akan dicapai dan tidak sama sekali menjadi tumpuan selagi kehendak asas ini tidak dipenuhi. Rajah di bawah menunjukkan hierarki keperluan dalam kehidupan manusia.

Menyedari hakikat makanan merupakan *daruriyyat* yang perlu dipenuhi, banyak pihak telah menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan sama ada oleh pihak kerajaan, bdang berkanun, NGO atau orang perseorangan. Di Malaysia, dalam misi mensasarkan “Zero Hunger” dan “Zero Waste” bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah menubuhkan Yayasan *Food Bank* Malaysia pada tahun 2018.

Malaysia pada hari ini turut tidak ketinggalan dengan pada tahun 2018. Yayasan ini ditubuhkan oleh kerajaan di Kerajaan mensasarkan misi” dapat dilaksanakan melalui yayasan ini . Di samping itu, kerajaan juga berharap dengan tertubuhnya yayasan ini, golongan yang terkesan akibat kenaikan kos sara hidup dapat dibantu melalui bantuan bekalan yang selamat dan halal yang diberikan kepada golongan yang layak.

Yayasan *Food Bank* Malaysia telah menjalankan pelbagai program pada peringkat komuniti, siswa dan parlimen. Mutiara *Food Bank*, *Food Aid Foundation* dan KECHARA Soup adalah antara rakan strategik utama dalam yayasan ini. Ketiga-tiga organisasi ini bersama-sama dengan NGO yang tempatan yang lain bekerjasama mengumpul barangan dari pasar raya (Tesco, Econsave, The Store, NSK dan SEGI) sebelum mengedarkannya kepada kumpulan sasar di zon yang telah ditetapkan.

Di Kedah, inisiatif yang dilakukan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) mengadakan program *Food Bank* harus dipuji. Program yang dimulakan di daerah Baling, Sik dan Padang Terap pada tahun 2018 kini pelaksanaan hampir kesemua Masjid di negeri Kedah (Berita Nasional, TV1, 28 Mei 2019). Setiap bulan, program ini telah memanfaatkan hampir 17,220 buah keluarga di negeri Kedah dengan anggaran peruntukan sebanyak 11 juta dibelanjakan yang diagihkan ke masjid terpilih sebagai pusat agihan bekalan makanan di setiap daerah. Manakla imam masjid pula diberikan tanggungjawab untuk menguruskan bekalan makanan tersebut bagi memastikan ahli karyah mencukupi makanan untuk sekeluarga.

Usaha dan inisiatif ini menunjukkan keperihatinan LZNK untuk memenuhi keperluan *daruriyyat* dalam *maqasid* syariah dan selaras dengan matlamat SDGs. Dalam masa yang sama LZNK turut mengalu-alukan kepada mana-mana syarikat korporat atau individu ingin menyumbang bagi tujuan pembukaan Pusat Bekalan Makanan ini adalah dialu-alukan.

Bagaimanapun, pelaksanaan *Food Bank* ini masih diperingkat awal dan perlu melalui penilaian keberkesanan. Justeru kajian ini dijalankan secara umumnya bertujuan untuk mengenalpasti tahap keberkesanan program *Food Bank* oleh LZNK di seluruh negeri Kedah.

SOROTAN LITERATUR

Kajian-kajian lepas turut membuktikan bahawa tanpa makanan, manusia akan mengalami kebuluran yang boleh menjejaskan pelbagai kesan buruk yang lain seperti menjejaskan pendidikan (Claro, Paunesku, & Dweck, 2016), masalah kesihatan (Chaudry & Wimer, 2016), peningkatan jenayah (Engelen, Lander, & van Essen, 2016; Fajnzylber, Lederman & Loayza, 2002), masalah psikologi (Yoshikawa, Aber & Beardslee, 2012) dan memberi impak terhadap pertumbuhan ekonomi (Fosu, 2014). Justeru, banyak negara di dunia yang mengambil inisiatif mengadakan program *Food Bank* agar keperluan rakyat dapat dipenuhi.

Harus difahami bahawa *Food Bank* secara amnya dilihat telah membantu banyak negara untuk menyelesaikan masalah kelaparan serta pengambilan makanan yang tidak seimbang dek kerana masalah ekonomi. Jelas, bank makanan yang ditubuhkan di Malaysia, Kanada, Australia, Perancis, Jerman dan negara-negara lainnya membawa kebaikan bukan sahaja kepada individu penerima malah juga kepada ekonomi dan sosial negara. Antara kesan positif hasil penubuhan bank makanan di adalah kurangnya kadar individu yang kelaparan dan tidak mampu memiliki makanan yang berkhasiat dan bernutrisi kerana ketidakstabilan kewangan.

Kejayaan bank makanan di Malaysia juga menunjukkan kesan yang positif. Mantan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah menyatakan bahawa bank makanan telah berjaya membantu 45,850 isi rumah golongan miskin tegar dan kurang berkemampuan di Pulau Pinang. KPDNHEP menyatakan bahawa pada tahun 2018, sebanyak 1,055 tan lebih makanan berjaya diselamatkan melalui *Food Bank* (Perimbanayagam, 2019, Mac 31). Selain daripada kejayaan bank makanan di Pulau Pinang, *Food Bank* juga telah banyak membantu para pelajar universiti yang berasal dari keluarga miskin dan berpendapatan rendah di 20 buah universiti awam (Jr. 2019).

Di samping itu, bantuan makanan turut diberikan sekiranya sesebuah negara dilanda krisis yang serius sebagai contoh pada hari ini, dunia digemparkan dengan kehadiran virus corona (Covid-19) yang menyebabkan beberapa kawasan terpaksa di tutup dan kawalan larangan pergerakan terpaksa dikeluarkan di Malaysia. Pihak KPDNHEP bersama Yayasan *Food Bank* Malaysia telah bekerjasama dan berbincang bagi membekalkan bekalan keperluan yang secukupnya kepada masyarakat yang terjejas dengan Covid-19 antaranya adalah para penuntut institusi pengajian tinggi (IPT). Timbalan Menteri KPDNHEP, Datuk Rosol Wahid dalam satu temubual menyatakan sejumlah 54 universiti awam, politeknik dan institusi pengajian guru (IPG) telah dikenalpasti mempunyai fasiliti penyimpanan makanan.

Bantuan telah diagihkan kepada 123 kawasan termasuklah kawasan pinggir bandar. Yayasan *Food Bank* Malaysia turut bekerjasama dengan Insaf Malaysia bagi menyediakan makanan harian kepada 1,000 orang individu dari golongan B40 sepanjang tempoh kawalan pergerakan dijalankan. Hasil kerjasama KPDNHEP, Yayasan *Food Bank* Malaysia dan Insaf Malaysia telah membantu seramai 38,000 pelajar IPT (Musalib, 2020). Golongan gelandangan turut diberikan bantuan. Gelandangan adalah kelompok yang terasing dari masyarakat. Mereka terdiri daripada golongan miskin tegar dan tidak berkemampuan yang tinggal di kaki lima (Idris & Ramli 2017).

Bank makanan Kanada, Jerman, Australia dan Perancis turut tidak ketinggalan dalam memberikan bantuan di saat seluruh dunia sedang berlawan dengan Covid-19. Bank makanan Kanada lebih memfokuskan kepada golongan gelandangan yang terjejas akibat virus in

(Moore, 2020). Sebelumnya pada tahun 2019, bank makanan Kanada lebih memberikan keutamaan kepada warga emas yang tidak mempunyai bekalan makanan yang mencukupi sewaktu Krismas (Franklin, 2019).

Jerman turut tidak ketinggalan dalam memainkan peranan di saat Covid-19 ini. Kerjasama dan kesatuan yang baik ditunjukkan oleh kerajaan Jerman dan masyarakatnya dalam membelenggu masalah ini daripada terus menular (Coronavirus: How Germany is showing solidarity amid the outbreak, n.d.). Bagi memastikan masyarakat memiliki sumber makanan yang mencukupi di saat kawalan pergerakan di Jerman, kerajaan Jerman dengan kerjasama daripada *Food Bank* telah bersepakat untuk menghantar stok makanan dari rumah ke rumah bagi memastikan setiap isi rumah mempunyai bekalan yang mencukupi (Lacsina, 2020).


METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif kajian secara rentasan. Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk menganalisis tahap keberkesanan program *Food Bank* oleh LZNK. Dalam kajian ini, dapatan dianalisis secara deskriptif bagi menjawab objektif kajian menganalisis tahap keberkesanan program *Food Bank* LZNK dalam aspek amalan kepuasan perkhidmatan, amalan tingkah laku kualiti perkhidmatan, amalan kesedaran agama, amalan kecukupan bekalan makanan, khasiat bekalan makanan, emosi dan daya ketahanan.

Kajian ini melibatkan populasi responden yang terdiri daripada penerima *Food Bank* di daerah Baling, Sik, Kubang Pasu, dan Kota Star. Populasi ini dipilih secara rawak mudah dan terdiri daripada 405 orang responden, dengan perincian seperti berikut: lelaki = 122, perempuan = 183; bujang = 10, berkahwin = 240, duda/janda/balu = 155. Pemilihan sampel ini ditentukan dengan menggunakan formula Krecjie dan Morgan, 1970. Data yang dikutip seterusnya dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 26 bagi menjawab objektif kajian.

DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan tahap keberkesanan pengurusan dan pelaksanaan *Food Bank* dalam konstruk yang dikaji pada tahap yang tinggi dengan nilai (min = 4.160, sp = 0.516). Lapan konstruk yang dicadangkan juga mendapat min pada tahap yang tinggi. Konstruk Kepuasan Perkhidmatan mendapat min tertinggi (min = 4.361, sp = .513), diikuti oleh konstruk Kesedaran Agama (min = 4.253, sp = .525), Kualiti Perkhidmatan (min = 4.186, sp = .513), Khasiat Bekalan Makanan (min = 4.174, sp = .544), Daya Ketahanan (min = 4.120, sp = .441), Emosi (min = 4.112, sp = .483), Kecukupan Bekalan Makanan (min = 4.094, sp = .568). Manakala konstruk Penghargaan Kendiri berada pada tahap sederhana tinggi (min=3.980, sp = .582). Graf 1: berikut melaporkan nilai min berdasarkan konstruk dalam keberkesanan pengurusan dan pelaksanaan *Food Bank*.

Graf 1: Tahap keberkesanan *Food Bank*

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penerima *Food Bank* berpuas hati dengan pengurusan dan pelaksanaan program ini apabila kepuasan perkhidmatan mendapat min pada tahap tertinggi. Penerima *Food Bank* berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh pihak masjid dalam mengandalkan program *Food Bank* apabila semua tingkah laku yang dicadangkan berada pada tahap yang tinggi. Min paling tinggi (min = 4.61, sd = 0.563) adalah pada tingkah laku jasa pihak masjid perlu dihargai. Manakala tingkah laku agihan bekalan ketika saya memerlukan mendapat min. (min = 4.21, sd = 0.648) terendah jika dibandingkan dengan tingkah laku lain. Min bagi tingkah laku pihak masjid mengagihkan bekalan makanan secara sama rata (min- 4.30, sd = 0.654) dan pihak masjid lebih awal untuk menerima bekalan makanan (min = 4.25, sd = 0.617) masing-masing juga berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 1. Tahap Amalan Kepuasan Perkhidmatan

Item	Pernyataan	Mean	sd	Tahap
1.	Pihak masjid mengagihkan makanan dengan baik	4.44	.553	Tinggi
2.	Jasa pihak masjid perlu dihargai	4.61	.563	Tinggi
3.	Pihak masjid mengagihkan bekalan makanan secara sama rata	4.30	.654	Tinggi
4.	Pihak masjid memaklumkan lebih awal untuk menerima bekalan makanan	4.25	.617	Tinggi
5.	Agihan bekalan makanan tiba ketika saya memerlukan	4.21	.648	Tinggi
Min keseluruhan		4.361	.473	Tinggi

Selain kepuasan mereka juga berpuas hati dengan kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh LZNK serta pembantu amil yang menguruskan pengagihan bekalan makanan. Tingkah laku bekalan makanan

diagihkan kepada pihak yang benar-benar memerlukan mendapat min tertinggi (min = 4.42, sd = 0.623). Namun, indikator sistem kupon memudahkan proses penerimaan mendapat min terendah pada tahap sederhana tinggi (min = 3.68, sd = 1.347). Manakala tingkah laku lain masing-masing berada pada tahap yang tinggi iaitu pihak masjid sentiasa menghebahkan maklumat berkaitan dengan bekalan makanan (min = 4.26, sd = .618), agihan bekalan makanan dilakukan secara adil masing berada pada tahap yang tinggi (min = 4.33, sd = 0.643) dan tingkah laku agihan bekalan makan diagihkan dengan segera (min = 4.24, sd = 0.649).

Jadual 2. Tahap Amalan Tingkah Laku Kualiti Perkhidmatan

Item	Pernyataan	Mean	sd	Tahap
1.	Bekalan makanan diagihkan kepada pihak yang benar-benar memerlukan	4.42	.623	Tinggi
2.	Sistem kupon memudahkan proses penerimaan	3.68	1.347	Sederhana Tinggi
3.	Pihak masjid sentiasa menghebahkan maklumat berkaitan dengan bekalan makanan	4.26	.618	Tinggi
4.	Agihan bekalan makanan dilakukan secara adil	4.33	.643	Tinggi
5.	Agihan bekalan makanan diagihkan dengan segera	4.24	.649	Tinggi
Min keseluruhan		4.186	.513	Tinggi

Program *Food Bank* juga berjaya mendidik penerima dengan kesedaran agama yang tinggi berdasarkan min yang diperolehi. Hal ini diakui melalui tingkah laku program bantuan bekalan makanan ini lebih mendekatkan saya dengan aktiviti anjuran masjid mendapat min tertinggi (min = 4.32, sd = 0.557) diikuti tingkah laku saya berusaha untuk hadir ke masjid untuk mendalami agama (min = 4.30, sd = 0.636), saya berusaha untuk hadir ke masjid untuk solat berjemaah (min = 4.28, sd = 0.730) dan saya bersedia untuk mendengar tazkirah ringkas sebelum menerima bekalan makanan (min = 4.24, sd = 0.611). Namun, tingkah laku saya menyertai aktiviti masjid secara sukarela mendapat min terendah (min = 4.16, sd = 0.7347) jika dibandingkan dengan tingkah laku lain.

Jadual 3. Tahap Amalan Kesedaran Agama

Item	Pernyataan	Mean	sd	Tahap
1.	Program bantuan bekalan makanan ini lebih mendekatkan saya dengan aktiviti anjuran masjid	4.32	.557	Tinggi
2.	Saya bersedia untuk mendengar tazkirah ringkas sebelum menerima bantuan bekalan makanan	4.24	.611	Tinggi
3.	Saya menyertai aktiviti masjid secara sukarela	4.16	.734	Tinggi
4.	Saya berusaha untuk hadir ke masjid untuk mendalami agama	4.30	.636	Tinggi
5.	Saya berusaha untuk hadir ke masjid untuk solat berjemaah	4.28	.730	Tinggi
Min keseluruhan		4.253	.525	Tinggi

Dalam konteks bekal makanan pula, walaupun kecukupan bekal mendapat min yang tinggi namun bagi indikator bekal makanan mencukupi untuk semua ahli keluarga (min = 3.80, sd = 0.976) dan bekal makanan mencukupi untuk tempoh ketiadaan makanan di rumah (min = 3.85, sd = 0.892) masing-masing berada pada tahap sederhana tinggi. Walau bagaimanapun bekal makanan membantu meringankan perbelanjaan barangan dapur mendapat min paling tinggi (min = 4.35, sd = 0.575), diikuti oleh bekal makanan membantu meringankan beban perbelanjaan harian (min = 4.28, sd = 0.623) dan bekal makan dapat dinikmati oleh semua ahli keluarga yang tinggal bersama saya (min = 4.20, sd = 0.705).

Jadual 4. Tahap Amalan Kecukupan Bekal Makanan

Item	Pernyataan	Mean	sd	Tahap
1.	Bekal makanan mencukupi untuk semua ahli keluarga saya	3.80	.976	Sederhana Tinggi
2.	Bekal makanan dapat dinikmati oleh semua ahli keluarga yang tinggal bersama saya	4.20	.705	Tinggi
3.	Bekal makanan membantu meringankan perbelanjaan barangan dapur	4.35	.575	Tinggi
4.	Bekal makanan mencukupi untuk tempoh ketiadaan makanan di rumah	3.85	.892	Sederhana Tinggi
5.	Bekal makanan membantu meringankan perbelanjaan harian	4.28	.623	Tinggi
Min keseluruhan		4.094	.568	Tinggi

Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden berpuas hati dengan khasiat bekal makanan yang diberikan. Mereka dapat mengamalkan pemakanan yang sihat dalam kehidupan seharian dengan mendapat min tertinggi (min = 4.32, sd = 0.675) diikuti oleh makanan berkhasiat penting untuk keluarga saya (min = 4.28, sd = 0.617), bekal makanan yang diberikan adalah berkhasiat (min = 4.07, sd = 0.810) dan bekal makanan membantu menambah tenaga badan saya (min = 4.05, sd = 0.720).

Jadual 5. Tahap Khasiat Bekal Makanan

Item	Pernyataan	Mean	sd	Tahap
1.	Bekal makanan yang diberikan adalah berkhasiat	4.07	.810	Tinggi
2.	Bekal makanan membantu menambah tenaga badan saya	4.05	.720	Tinggi
3.	Makanan berkhasiat penting untuk keluarga saya	4.28	.617	Tinggi
4.	Pemakanan sihat diamalkan dalam kehidupan seharian	4.32	.675	Tinggi
Min keseluruhan		4.174	.544	Tinggi

Program ini juga memberi impak kepada emosi penerima. Secara keseluruhan tahap emosi penerima *Food Bank* berada pada tahap yang tinggi (min = 4.112, sp = .483) kecuali tingkah laku saya berasa malu menerima bekal makan mendapati apada tahap yang sederhana rendah (min = 2.85, sd = 1.421).Min tertinggi diperoleh melalui tingkah laku saya bersyukur menerima bantuan bekal makanan (min = 4.59, sd = 0.580), diikuti oleh saya gembira menerima bantuan bekal makanan (min = 4.57, sd = 0.520) dan saya rasa dibantu oleh pihak berwajib (min = 4.44, sd = 0.580).

Jadual 6. Tahap Emosi

Item	Pernyataan	Mean	sd	Tahap
1.	Saya gembira menerima bantuan bekalan makanan	4.57	.520	Tinggi
2.	Saya rasa malu menerima bantuan bekalan makanan	2.85	1.421	Sederhana Rendah
3.	Saya bersyukur menerima bantuan bekalan makanan	4.59	.503	Tinggi
4.	Saya rasa dibantu oleh pihak berwajib	4.44	.580	Tinggi
Min keseluruhan		4.112	0.483	Tinggi

Bagi konstruk daya ketahanan pula, secara kesluruhannya dapatan kajian berada pada tahap tinggi (min = 4.120, sp = .441). Min tertinggi ialah bagi tingkah laku saya sentiasa memastikan barangan dapur mencukupi untuk ahli keluarga (min = 4.27, sd = 0.729), diikuti oleh saya tidak mudah putus asa untuk memperbaiki kehidupan saya (min = 4.25, sd = 0.535), saya dapat mengawal diri walaupun dalam keadaan kekurangan sumber makanan dan kewangan (min = 4.19, sd = 0.630) dan saya menanam tanaman yang boleh dimakan di halaman rumah (min = 4.12, sd = 0.744). Walau bagaimanapun tingkah laku saya membuat tabungan (duit) untuk digunakan ketika kecemasan mendapat min pada tahap sederhana tinggi (min = 3.77, sd = 0.916).

Jadual 7. Tahap Daya Ketahanan

Item	Pernyataan	Mean	sd	Tahap
1.	Saya sentiasa memastikan barangan dapur mencukupi untuk semua ahli keluarga saya	4.27	.729	Tinggi
2.	Saya menanam tanaman yang boleh dimakan di halaman rumah saya	4.12	.744	Tinggi
3.	Saya membuat tabungan (duit) untuk digunakan ketika kecemasan	3.77	.916	Sederhana Tinggi
4.	Saya tidak mudah putus asa untuk memperbaiki kehidupan saya	4.25	.535	Tinggi
5.	Saya dapat mengawal diri walaupun dalam keadaan kekurangan sumber makanan dan kewangan	4.19	.630	Tinggi
Min keseluruhan		4.120	0.441	Tinggi

PERBINCANGAN

Secara umumnya, dapatan kajian ini membuktikan program *Food Bank* oleh LZNK ini memberi impak yang sangat bermakna terhadap masyarakat. Kepuasan perkhidmatan dalam sistem bekalan makanan ini akan memberikan manfaat gambaran profesional yang menyeluruh kepada organisasi (Rombach & Bitsch, 2017). Berdasarkan daripada dapatan, rata-rata penerima *Food Bank* di negeri Kedah berpuas hati dengan perkhidmatan LZNK melalui pembantu amil yang dikendalikan oleh pihak masjid.khususnya respon penerima terhadap kepuasan perkhidmatan.

Program *Food Bank* juga dapat memenuhi syariat zakat dalam memenuhi kriteria hubungan manusia sesama manusia iaitu antara *Muzakki*(pengeluar zakat) dan *Mustahiq* (penerima zakat). Program bantuan makanan melalui masjid mampu merealisasikan gabungan antara peranan masjid dan ibadat zakat. Menurut Hafizah et.al, (2019) program bekalan makanan melalui masjid-masjid di negeri Kedah adalah merupakan program yang berjaya mengagihkan bantuan secara langsung kepada pihak berkeperluan. Menjadikan masjid sebagai pusat bekalan makanan memberikan kesan positif kepada masyarakat kalangan yang memerlukan dan juga miskin. Sekaligus memberikan gambaran positif kalangan pengeluar zakat tentang agihan zakat dilakukan oleh LZNK.

Selain itu, beliau menambah, program bantuan makanan melalui masjid ini, turut menggalakkan kalangan asnaf hadir ke masjid. Mereka juga dapat dilatihkan secara tidak langsung agar menjadikan masjid tempat beribadat secara rutin. Hasil kajian ini mendapati, melalui program bantuan makanan diberikan kepada pihak yang memerlukan dapat mendekatkan mereka dengan masjid. Sekali gus meningkatkan kesedaran beragama kalangan penerima melalui program-program sampingan dianjurkan sempena pemberian bantuan makanan.

Ini menunjukkan bahawa elemen kesedaran agama dapat diamalkan pada tahap yang baik sebagai seorang penerima bekalan makanan. Banyak kajian lepas menunjukkan bahawa elemen kesedaran beragama mempengaruhi tingkahlaku pengguna khususnya penganut agama Islam (Bukhari et al., 2019; Mokhlis, 2009; Nasse et al., 2019). Nurhayati dan Hendar (2020), beliau mendapati pengaruh elemen agama dapat meningkatkan kesedaran dalam memilih dan membuat pembelian makanan yang halal. Hal ini mendedahkan bahawa pengaruh kesedaran agama bakal memberi kecenderungan untuk membuat pilihan dalam apa jua tindakan.

Selain itu, dapatan kajian ini juga membuktikan bahawa bekalan makanan yang mencukupi perlu dapat mengelakkan kebuluran, masalah kesihatan, menjejaskan kesihatan, pendidikan dan masalah psikologi (Claro, Paunesku, & Dweck, 2016; Caudry & Wimer, 2016; Engelen, Lander, & van Essen, 2016; Fajnzylber, Lederman & Loayza, 2002; Yoshikawa, Aber & Beardslee, 2012).

RUMUSAN

Kajian ini menunjukkan bahawa program *Food Bank* LZNK adalah bukan sahaja memenuhi keperluan makanan asas manusia, tetapi juga mematuhi prinsip-prinsip Maqasid Syariah, terutamanya konsep menjaga nyawa (*hifz al-nafs*) dan menjaga harta (*hifz al-mal*). Program ini memberi pemeliharaan kepada mereka yang memerlukan, mencerminkan nilai-nilai Islam yang mengutamakan kesejahteraan sosial dan menjaga hak asasi manusia untuk mendapatkan makanan yang mencukupi.

Selain itu, kajian ini juga menggambarkan hubungan program *Food Bank* dengan Teori Hierarki Keperluan Manusia oleh Maslow. Menurut teori ini, makanan adalah salah satu keperluan asas manusia. Program *Food Bank* LZNK membantu dalam memenuhi keperluan ini, membantu golongan yang terkesan agar tidak menghadapi kebuluran, dan menjaga aspek dasar keperluan manusia. Kajian ini juga memberikan sumbangan penting kepada pencapaian Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals* - SDG), terutamanya Matlamat *Zero Hunger*. Ini menunjukkan bahawa program *Food Bank* LZNK turut berperan

dalam usaha global untuk mengurangkan kelaparan dan kebuluran di kalangan masyarakat Malaysia.

Lebih daripada itu, hasil kajian ini memberi dorongan kepada gagasan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Penggunaan Yayasan *Food Bank* Malaysia yang menganjurkan misi *Zero Hunger* dan *Zero Waste*. Keberkesanan program *Food Bank* LZNK menjadi bukti bahawa program seumpama ini adalah relevan dan penting dalam usaha mencapai matlamat ini. Kajian ini juga menekankan bahawa kesan program *Food Bank* bukan hanya terhad kepada LZNK semata-mata, tetapi ia memerlukan sokongan dan penyertaan pelbagai pihak, termasuk agensi kerajaan, bukan kerajaan, dan NGO. Ini menekankan pentingnya kerjasama antara sektor awam dan swasta untuk memastikan program ini berjaya dan berkesan dalam membantu mereka yang memerlukan.

Dalam konteks kesihatan, kajian ini juga menunjukkan bahawa kualiti makanan yang disediakan oleh program *Food Bank* juga perlu diambil kira. Menyediakan makanan yang berkualiti adalah penting untuk memastikan masyarakat yang menerima bantuan tidak hanya mendapat makanan yang mencukupi, tetapi juga mempunyai akses kepada makanan yang berkhasiat untuk kesihatan. Oleh itu, program *Food Bank* perlu memberi tumpuan kepada pemilihan dan penyediaan makanan yang berkualiti tinggi. Kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa program *Food Bank* LZNK memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan makanan asas manusia, mematuhi prinsip-prinsip Maqasid Syariah, mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (SDG), dan menyokong misi *Zero Hunger* dan *Zero Waste*. Keberkesanan program ini adalah hasil daripada kerjasama pelbagai pihak, dan ia perlu dikekalkan dan ditingkatkan untuk menjaga kesejahteraan sosial dan kesihatan masyarakat Malaysia.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini dibiayai oleh Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ) dan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) berkod SO 14534. Penyelidik ingin mengucapkan terima kasih kepada peserta yang terlibat dalam kajian.

RUJUKAN

- Aemy Liza Minhat & Arieff Salleh Rosman. 2015. Makanan dan Kesan Pemakanan menurut Perpektif Islam. *Konferensi Antarabangsa Islam Borneo VI 2013 (KAIB VI 2013)*, (January), 59–91.
- Ahmad, M. R. M. 2018. Bukan sisa makanan lah... *Harian Metro*.
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/09/376791/bukan-sisa-makanan-lah> [11 April 2020].
- Azlina Mohd Khir, Nor Aina Syahira Rodzuwan, Amna Md Noor, Wan Munira Wan jaafar, & Muhammad Muhajeed Hassan (2020). Sokongan Sosial, penghargaan Kendiri dan Kemurungan dalam Kalangan Mahasiswa di Universiti. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(2), 33-42.
- Batool, S.S. & Lewis, C.A. (2020). Does positive parenting predict pro-social behavior and friendship quality among adolescents? Emotional intelligence as a mediator. *Current Psychology*,
<https://doi.org/10.1007/s12144-020-00719-y>
- Bhatia, M., & Manocha, A. (2020). Cognitive framework of food quality assessment in IoT-inspired smart

- restaurants. *IEEE Internet of Things Journal*.
- Booth, S. & Whelan, J. 2014. Hungry for change: The food banking industry in Australia. *British Food Journal*, 116(9), 1392–1404. doi:10.1108/BFJ-01-2014-0037
- Bosman, J. 2009. Newly poor swell lines at food banks nationwide. Retrieved from www.nytimes.com/2009/02/20/nyregion/20food.html
- Bukhari, S. F. H., Woodside, F. M., Hassan, R., Shaikh, A. L., Hussain, S., & Mazhar, W. (2019). Is religiosity an important consideration in Muslim consumer behavior. *Journal of Islamic Marketing*.
- Chaudry, A., & Wimer, C. (2016). Poverty is Not Just an Indicator: The Relationship Between Income, Poverty, and Child Well-Being. *Academic Pediatrics*, 16(3), S23–S29. doi:10.1016/j.acap.2015.12.010
- Claro, S., Paunesku, D., & Dweck, C. S. (2016). Growth mindset tempers the effects of poverty on academic achievement. *Proceedings of the National Academy of Sciences*, 113(31), 8664–8668. doi:10.1073/pnas.1608207113
- Companion, M. 2010. Constriction in the variety of urban food pantry donations by private.
- Engelen, P.-J., Lander, M. W., & van Essen, M. (2016). What determines crime rates? An empirical test of integrated economic and sociological theories of criminal behavior. *The Social Science Journal*, 53(2), 247–262. doi:10.1016/j.soscij.2015.09.001
- European Federation of Food Banks (FEBA). 2018. FEBA Annual Report.
- European Food Banks Federation. (n.d.). *European Food Banks Federation*,. <https://www.eurofoodbank.org/> [4 April 2020].
- Franklin, M. 2019. Veterans Association Food Bank Handing Out Hampers in Calgary. *CTV News*,. <https://calgary.ctvnews.ca/veterans-association-food-bank-handing-out-hampers-in-calgary/1.4740070> [10 April 2020].
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad Muhammad. (1994). *Al-mustafa min 'Ilm al-usul*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Hafizah Zainal, et.al, 2019, Zero Hunger and Sustainable Development Goals: Model of Food Bank, *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, UITM: Skudai
- Idris, M. A. H. & Ramli, M. A. 2017. Golongan Gelandangan Di Malaysia: Antara Perluasan Tafsiran Asnaf Ibnu Al-Sabil Dan Al-Riqab. *Isu-Isu Kontemporari dalam Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam*, 121–132.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30: 608-619.
- Lacsina, N. 2020. COVID-19: German charity goes home-to-home coronavirus crises. *Gulf News*,. <https://gulfnews.com/photos/news/covid-19-german-charity-goes-home-to-home-in-coronavirus-crisis-1.1586438581753?slide=1> [11 April 2020].
- Lim, W. J., Chin, N. L., Yusof, A. Y., Yahya, A., & Tee, T. P. (2016). Food waste handling in Malaysia and comparison with other Asian countries. *International Food Research Journal*, 23, S1.
- Maslow, A. H. (1943). A theory of human motivation. *Psychological Review*, 50(4), 370–396. <https://doi.org/10.1037/h0054346>
- Mokhlis, S. (2009). Relevancy and measurement of religiosity in consumer behavior research. *International Business Research*, 2(3), 75-84.
- Moore, K. (2020). Shelters and Food Banks Helping Those Among Most Vulnerable To The Coronavirus. *Forbes*, <https://www.forbes.com/sites/karlmoore/2020/03/18/shelters-and-food-banks-are-taking-extraordinary-measures-to-fight-coronavirus/#643538e9a51b> [10 April 2020].
- Mutalib, Z. A. (2020). Food Bank Malaysia bantu lebih 38,000 pelajar IPT. *Berita Harian Online*,.

- <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/669436/food-bank-malaysia-bantu-lebih-38000-pelajar-ipt> [10 April 2020].
- Nurhayati, T., & Hendar, H. (2020). Personal intrinsic religiosity and product knowledge on halal product purchase intention: Role of halal product awareness. *Journal of Islamic Marketing*, 11(3), 603-620.
- Perimbanayagam, K. (2019, March 31). Food Bank Malaysia a success. *New Straits Times*,. <https://www.nst.com.my/news/nation/2019/03/474624/food-bank-malaysia-success-nsttv>
- Rombach, M., & Bitsch, V. (2018). Sector blending: evidence from the German Food Bank. *International Food and Agribusiness Management Review*, 21(1030-2018-1786), 181-200.
- Sharif Mohd Tahiri & Mohd Izhar Ariff Mohd Kashimii. (2017). Maqasid Shariah in Modern Foods. *Al Qanator International journal of Islamic Studies*. 6(1): 10-18
- Smith, M. D., & Floro, M. S. (2020). Food insecurity, gender, and international migration in low-and middle-income countries. *Food Policy*, 91, 101837.
- Starting your own Food pantry. 2015. Second Harvest Food Bank of Middle Tennessee.
- Stufflebeam, Daniel L. 2003. The CIPP model for evaluation. Annual Conference of the Oregon Program Evaluators Network (OPEN). Western Michigan University.
- Al-Syatibi, Abi Ishaq al-Syatibi. 1997. *al-Muwafaqat Usul al-Syariah*. Beirut: Dar al- Ma'rifah.
- Syed Ahmad Iskandar Syed Ariffin, (2006), Architectural Conservation In Islam Case study Of The Prophet's Mosque, Johor Bahru:UTM.
- Tang, A. 2020. Food poisoning a great concern with donations, says groups. *The Star*,. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/07/food-poisoning-a-great-concern-with-donations-says-groups> [12 April 2020].
- Walsh, K. 2018. Food Insecurity & The French Solution to an American Epidemic. *Ind. JL & Soc. Equal.*, 6(1), 161.
- Waltz, Carolyn F., Ora Lea Strickland, and Elizabeth R. Lenz, eds. *Measurement in nursing and health research*. Springer publishing company, 2010
- Warmington, J. 2020. Mississauga Food Bank desperate for donations amid pandemic. *Toronto Sun*,. <https://torontosun.com/news/local-news/warmington-mississauga-food-bank-desperate-for-donations-amid-pandemic> [12 April 2020].
- Weaver, A., Hahn, R. J., Tucker, K. M., Bybee, D., Yugo, K., Johnson, J. M., & Himle, J. A. (2020). Depressive symptoms, material hardship, barriers to care, and receptivity to church-based treatment among food bank service recipients in rural Michigan. *Social Work in Mental Health*, 18(5), 515-535.
- Yayasan Food Bank Malaysia. (n.d.). *Food Bank Malaysia*,. <https://www.foodbankmalaysia.org/bm/> [20April 1]. BCa